

PENDEKATAN FIQH AL-HADITH DALAM APLIKASI SYARIAH: SATU TINJAUAN KONSEPTUAL

SYARIAH APPLICATION THROUGH FIQH AL-HADITH APPROACH: A CONCEPTUAL FRAMEWORK

^{i*}Radin Ahmad Taufik Salikin Izaddin, ⁱAkmaliza Abdullah, ⁱⁱMuhammad Sobri Faisal & ^{iii, iv}Ahmad Syukran Baharuddin

ⁱAkademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 Johor Bahru, Johor.

ⁱⁱPusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^{iv}Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding Author): radin@graduate.utm.my

ABSTRAK

Aplikasi Syariah berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama pembentukan hukum Islam dengan hadith Nabi SAW memainkan peranan penting dalam menjelaskan dan melengkapkan kefahaman terhadap kehendak syarak. Namun demikian, dalam wacana Syariah kontemporari, penggunaan hadith sering kali bersifat tekstual dan terpisah daripada pendekatan Fiqh al-Hadith yang sistematik, sekali gus berpotensi menghasilkan aplikasi hukum yang kurang mengambil kira konteks, kepelbagaian riwayat serta tujuan pensyariaan. Sehubungan itu, kertas ini bertujuan menilai semula aplikasi Syariah dengan mengemukakan Kerangka Aplikasi Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith sebagai asas metodologi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis doktrinal terhadap prinsip-prinsip teras Fiqh al-Hadith, termasuk kefahaman *asbāb al-wurūd*, penyelarasan antara hadith (*Jam' wa al tawfiqh*), pembezaan skop lafaz, pertimbangan maqasid syariah serta integrasi hadith, qiyās dan *maqasid al-sharī'ah*. Perbincangan menunjukkan bahawa kerangka yang dicadangkan berupaya memperkukuh konsistensi, relevansi dan keseimbangan dalam aplikasi Syariah kontemporari tanpa menjejaskan kewibawaan hadith. Kertas ini berhujah bahawa penerapan Fiqh al-Hadith secara berdisiplin merupakan prasyarat penting ke arah aplikasi Syariah yang lebih bersepadu, berorientasikan tujuan dan responsif terhadap realiti semasa.

Kata Kunci: *Fiqh al-Hadith, Aplikasi Syariah, al-Sunnah, Metodologi Syariah, Maqasid Syariah*

ABSTRACT

*The application of Shariah law is rooted in the Qur'an and the Sunnah as the major sources of Islamic law, and the Prophetic hadiths are crucial in elucidating and implementing the legal pronouncements. Nevertheless, the present-day Shariah debate very often shows a mainly textual and deconstructed use of hadith without a systematic Fiqh al-Hadith approach. Such a situation can lead to legal applications that are not fully aware of the context, the multiplicity of narrations, and the objectives of Islamic law. Thus, this paper goes back to Shariah application and suggests a Fiqh al-Hadith-Based Framework for Shariah Application as a methodological foundation. Utilizing a qualitative doctrinal method, the research evaluates the basic concepts of Fiqh al-Hadith, such as the knowledge of *asbāb al-wurūd*, rectification of seemingly opposing hadith, distinguishing between the textual scope, taking into account the intention of the legislator, and the linking of hadith with *qiyas* and *maqasid al-sharī'ah*. It is shown that the introduction of the framework results in increased consistency, significance, and equilibrium in today's Shariah application while still adhering to the sources of revelation. The paper contends that the application of a rigorous Fiqh al-Hadith method is necessary for the production of Shariah applications that are connected, intent-driven, and in tune with the times.*

Keyword (s): *Fiqh al-Hadith, Syariah Application, al-Sunnah, Syariah Methodology, Maqasid Syariah*

Pendahuluan

Syariah Islam berpaksikan wahyu Ilahi dengan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam penentuan hukum, etika dan panduan sosial umat Islam. Dalam kerangka ini, hadith Nabi SAW memainkan peranan penting sebagai sokongan prinsip al-Quran dan rujukan utama dalam penafsiran hukum serta aplikasi Syariah. Namun, kefahaman terhadap hadith tidak boleh terhenti pada bacaan literal sahaja. Hal ini kerana natijahnya berpotensi menyebabkan aplikasi hukum yang terpisah daripada konteks, tujuan pensyariatian dan realiti semasa (Rahman & Abdullah, 2021).

Walaupun tradisi keilmuan Islam telah lama menekankan prinsip interpretasi hadith yang terstruktur, kajian kontemporari menunjukkan bahawa penggunaan hadith dalam wacana Syariah kini kerap kali bersifat terpisah dan literal tanpa analisis metodologi yang mencukupi terhadap konteks periwatan dan objektif pensyariatian (Kamali, 2021; Zulkifli & Hasan, 2022). Hal ini menjadi lebih ketara apabila menghadapi isu-isu baharu seperti perkembangan teknologi, ekonomi digital, media sosial dan perubahan struktur sosial yang memerlukan pembacaan tekstual yang lebih holistik dan bertujuan (Huda, Rahman & Yusof, 2021; Bashori, 2024).

Para ulama terdahulu juga telah meletakkan asas bagi pendekatan yang sistematik terhadap kefahaman hadith, termasuk kefahaman *asbāb al-wurūd*, penyelarasan riwayat yang kelihatan berbeza serta pertimbangan terhadap *maqasid al-sharī'ah* sebagai faktor penentu kefahaman dalil (al-Nawawī, 2010; al-Shātibī, 2004). Pendekatan ini dikenali sebagai *fiqh al-hadith* yang bukan semata menitikberatkan kesahihan sanad dan teks. Malah paling utamanya adalah bagi menekankan kefahaman makna hadith secara kontekstual, berasaskan tujuan pensyariatian dan realiti semasa dimana ia merupakan suatu aspek yang sering diabaikan dalam pendekatan tekstual semata-mata (al-qaradawi, 1999).


Tambahan pula, para akademik kini menekankan bahawa pembacaan hadith yang disengajakan tanpa memahami tujuan pensyariatannya boleh membawa kepada keputusan

hukum yang bersifat teknikal dan kurang relevan dengan realiti sosial hari ini (Auda, 2018; Jamil, 2024). Pendekatan maqasid al-sharī'ah membantu menyeimbangkan antara penekanan kepada teks dan pemeliharaan maslahat dalam konteks masyarakat moden. Hal ini sekaligus menyediakan landasan teori bagi keberkesanan hukum dalam keadaan sekarang yang melalui perubahan pesat (Opwis, 2020; Bashori, 2024).

Walau bagaimanapun, wacana semasa masih menunjukkan kekosongan metodologi yang jelas apabila menghubungkan kefahaman hadith dengan proses penaakulan hukum yang berorientasikan maqasid. Ketiadaan satu kerangka integratif menyebabkan aplikasi Syariah sering dibatasi oleh interpretasi literal tanpa mengambil kira asas tujuan pensyiaratan dan manfaat umum. Dengan demikian, terdapat keperluan yang mendesak untuk membangunkan satu pendekatan metodologi yang lebih sistematik dan bersepadu.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan Kerangka Aplikasi Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith sebagai satu pendekatan metodologi yang berfokus kepada konteks, penyelarasan dalil, perbezaan skop lafaz dalam teks hadith dan orientasi maqasid dalam aplikasinya. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis doktrinal terhadap prinsip-prinsip asas Fiqh al-Hadith, kajian ini bertujuan untuk memperkukuh kefahaman hadith yang seterusnya membawa kepada aplikasi Syariah yang lebih konsisten, relevan dan responsif terhadap cabaran semasa (Kamali, 2021; Auda, 2018; Huda et al., 2021).

Kerangka Aplikasi Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith



Rajah 1: Kerangka Konseptual Aplikasi Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith

Kefahaman Asbāb al-Wurūd dan Konteks Hadith sebagai Asas Fiqh al-Hadith

Dalam disiplin Fiqh al-Hadith, kefahaman terhadap asbāb al-wurūd iaitu latar peristiwa, situasi dan sebab sesuatu hadith disabdakan merupakan asas metodologi yang penting dalam menentukan maksud sebenar sabda Nabi SAW sebelum ia diaplikasikan dalam hukum Syariah. Asbāb al-wurūd tidak berfungsi sebagai maklumat sejarah semata-mata. Sebaliknya bertindak

sebagai kerangka interpretatif yang membantu menjelaskan skop dan tujuan hadith. Tanpa kefahaman terhadap unsur ini, hadith akan berisiko difahami secara literal dan terpisah daripada konteks asalnya sekaligus membuka ruang kepada salah tafsir dan salah aplikasi hukum (al-Nawawī, 2010).

Keperluan memahami konteks hadith sebelum aplikasi hukum turut ditekankan secara konsisten dalam tradisi keilmuan Islam. Hadith tidak disabdakan dalam ruang yang terpisah daripada realiti sosial dan situasi tertentu. Malah ianya hadir sebagai tindak balas kepada keadaan dan keperluan masyarakat pada zaman Rasulullah SAW. Oleh itu, kefahaman konteks berperanan penting dalam menentukan sama ada sesuatu hadith bersifat umum atau khusus, muktamad atau berkait dengan situasi tertentu. Ibn Daqīq al-‘Īd menegaskan bahawa kefahaman hadith bergantung secara langsung kepada pengetahuan tentang sebab, konteks dan qarinah atau bukti yang mengiringi penyampaian hadith tersebut (Ibn Daqīq al-‘Īd, 2004). Pandangan ini mengukuhkan kedudukan konteks sebagai prasyarat metodologi dalam Fiqh al-Hadith.

Hubungan antara asbāb al-wurūd dan penentuan skop hukum menjadi semakin jelas apabila dikaitkan dengan perbezaan antara lafaz ‘ām (umum) dan khāṣ (khusus), serta antara mutlaq yang bersifat kekal dan muqayyad yang terikat dengan keadaan tertentu. Tanpa kefahaman konteks, hadith yang asalnya bersifat khusus boleh disalah anggap sebagai umum. Manakala arahan yang terikat dengan situasi berisiko diaplikasikan secara mutlak. Al-Nawawī (2010) menegaskan bahawa pengumpulan riwayat dan penelitian terhadap konteks merupakan syarat penting bagi memahami maksud sebenar hadith dan mengelakkan kesimpulan hukum yang terburu-buru. Dalam hal ini, asbāb al-wurūd berfungsi sebagai kaedah saringan yang mengawal skop aplikasi hukum.

Selain konteks peristiwa, bukti atau qarinah turut memainkan peranan penting dalam kefahaman hadith. Qarinah merangkumi pelbagai petunjuk yang mengiringi sesuatu hadith. Hal ini termasuk lafaz, perbuatan Nabi SAW, respon para sahabat serta keadaan sosial semasa hadith disabdakan. Peranan qarinah adalah untuk membantu menentukan maksud sebenar sabda Nabi SAW dan membezakan antara arahan yang bersifat hukum, bimbingan umum atau tindakan yang terikat dengan situasi tertentu. Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2001) menegaskan bahawa pengumpulan dan perbandingan riwayat membantu menyingkap maksud hadith serta mengelakkan salah faham terhadap kandungannya. Tanpa mengambil kira qarinah, kefahaman hadith mudah terperangkap dalam kefahaman secara zahir dan jumud.

Pendekatan Fiqh al-Hadith juga secara tegas menolak penggunaan hadith secara literal semata-mata tanpa analisis konteks dan tujuan pensyariaan. Kejumudan terhadap lafaz zahir boleh menghasilkan aplikasi hukum yang tidak tepat dan tidak selari dengan realiti semasa. Dalam hal ini, al-Qarāfi mengingatkan bahawa kegagalan membezakan antara perbezaan keadaan dan konteks boleh membawa kepada kesalahan dalam agama (al-Qarāfi, 2004). Penegasan ini diperkukuhkan oleh Ibn al-Qayyim (2005) yang menyatakan bahawa fatwa dan aplikasi hukum berubah mengikut perubahan masa, tempat dan keadaan tanpa menafikan kesahihan nas sebagai asas hukum.

Hubungan antara konteks hadith dan perubahan zaman menunjukkan bahawa hadith perlu difahami dalam konteks asal penyampaiannya. Namun diaplikasikan dengan mengambil kira realiti semasa. Perubahan keadaan masyarakat tidak mengubah teks hadith. Sebaliknya mempengaruhi cara teks tersebut difahami dan dilaksanakan. Dalam kerangka Fiqh al-Hadith, pemisahan antara kefahaman maksud hadith dan bentuk aplikasinya membolehkan hukum Syariah kekal relevan, praktikal dan berfungsi tanpa menjejaskan kedudukan wahyu. Pendekatan ini turut disokong dalam wacana kontemporari yang menekankan keperluan pembacaan kontekstual terhadap hadith bagi memastikan hukum syariah selari dengan cabaran semasa (Kamali, 2021).

Secara keseluruhannya, kefahaman terhadap asbāb al-wurūd, konteks dan qarinah hadith membentuk teras awal kepada Fiqh al-Hadith sebagai pendekatan metodologi dalam

aplikasi Syariah. Prinsip-prinsip ini berfungsi memastikan bahawa hadith difahami secara berdisiplin, tidak literal semata-mata serta diaplikasikan selari dengan maksud dan tujuan penyariatannya. Pasti kerangka kajian ini menyediakan asas penting kepada pembinaan kerangka aplikasi Syariah yang lebih konsisten, seimbang dan berorientasikan *maqasid al-shari'ah* dalam menghadapi cabaran kontemporari.

Gabungan dan Penyelarasan antara Hadith (Jama' wa tawfiq bayna al-Ahadith)

Salah satu prinsip asas dalam Fiqh al-Hadith ialah pendekatan *jama' wa tawfiq bayna al-ahādīth*, iaitu usaha menyelaraskan hadith-hadith yang kelihatan bertentangan sebelum sebarang kesimpulan hukum dibuat. Dalam tradisi keilmuan Islam, percanggahan zahir antara hadith tidak dianggap sebagai konflik sebenar antara sumber wahyu. Sebaliknya dilihat sebagai petunjuk kepada keperluan analisis yang lebih mendalam terhadap konteks, kepelbagaian riwayat dan tujuan penyariatannya. Pendekatan ini menolak sikap tergesa-gesa memilih satu-satu hadith dan mengabaikan hadith lain yang berkaitan.

Kepentingan penyelarasan riwayat telah ditegaskan secara jelas oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2001) yang menyatakan bahawa maksud sebenar hadith tidak akan dapat difahami tanpa pengumpulan keseluruhan riwayatnya. Hal ini menunjukkan bahawa kefahaman hadith yang berautoriti menuntut kajian mendalam terhadap semua riwayat yang berkaitan. Hal ini kerana perbezaan lafaz dan konteks antara riwayat sering kali menjelaskan maksud sebenar sesuatu sabda Nabi SAW. Prinsip ini menjadi asas kepada pendekatan *jama' wa tawfiq* yang mengutamakan penyelarasan berbanding pengguguran dalil.

Dalam kerangka Fiqh al-Hadith, pendekatan *jama' wa tawfiq* didahulukan sebelum kaedah lain seperti nasakh atau tarjīh. Hal ini kerana penyelarasan riwayat membolehkan kesemua hadith yang sahih difahami secara bersepadu tanpa menafikan salah satu daripadanya. Pendekatan ini selari dengan pandangan al-Nawawī (2010) yang menegaskan bahawa pengumpulan dan penelitian terhadap pelbagai riwayat merupakan syarat penting bagi memahami maksud hadith secara tepat.

Selain itu, prinsip kesepaduan dalil turut ditegaskan dalam karya usul fiqh. Al-Shātibī (2004) menegaskan bahawa dalil-dalil syariah perlu difahami sebagai satu sistem yang saling melengkapi dan tidak boleh dihukum berdasarkan satu dalil tanpa merujuk kepada keseluruhan kerangka syariah. Pandangan ini mengukuhkan asas teoretikal bahawa penyelarasan hadith bukan sekadar teknik hadith. Tetapi ianya merupakan prinsip metodologi yang selari dengan falsafah syariah secara keseluruhan.

Dalam konteks aplikasi hukum, kegagalan menyelaraskan hadith-hadith yang berkaitan boleh membawa kepada pendekatan selektif terhadap dalil dan seterusnya menghasilkan hukum yang tidak konsisten atau bercanggah antara satu sama lain. Kritikan terhadap penggunaan teks secara terpisah turut dikemukakan dalam wacana kontemporari. Misalnya Hallaq (2009) menegaskan bahawa penaakulan hukum Islam tidak boleh bergantung kepada teks yang diasingkan daripada tradisi dan kerangka perundangan yang lebih luas. Kritikan ini secara tidak langsung menyokong kepentingan pendekatan *jama' wa tawfiq* dalam memastikan kesepaduan dan konsistensi aplikasi hukum.

Di samping itu, al-Āmidī (2003) menegaskan bahawa tidak harus beramal dengan satu dalil sambil mengabaikan dalil lain yang mempunyai kaitan dengannya, kerana pendekatan sedemikian menyalahi prinsip penaakulan hukum yang sahih. Penegasan ini memperkukuhkan lagi keperluan penyelarasan dalil sebagai asas kepada aplikasi hukum yang berdisiplin.

Secara keseluruhannya, prinsip *jama' wa tawfiq bayna al-ahādīth* berfungsi sebagai mekanisme penting dalam Fiqh al-Hadith bagi memastikan bahawa hadith-hadith difahami dan diaplikasikan secara menyeluruh, tidak selektif dan selari dengan keseluruhan kerangka syariah. Dalam konteks kajian ini, prinsip ini menjadi teras kedua kepada Kerangka Aplikasi

Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith yang bertujuan menghasilkan aplikasi hukum Syariah yang lebih konsisten, bersepadu dan berorientasikan objektif.

Pembezaan antara ‘Ām–Khāṣ dan Muṭlaq–Muqayyad dalam Fiqh al-Hadith

Bagi prinsip yang ketiga dalam kerangka ini, pembezaan antara ‘ām (umum) dan khāṣ (khusus) serta antara muṭlaq (mutlak) dan muqayyad (terikat) merupakan prinsip metodologi yang penting bagi menentukan skop dan sifat penerapan sesuatu hadith dalam hukum syariah. Prinsip ini menegaskan bahawa lafaz hadith tidak boleh diaplikasikan secara menyeluruh tanpa menilai sama ada ia dimaksudkan untuk semua keadaan atau hanya terhad kepada situasi tertentu. Seterusnya adakah sama ada ianya bersifat mutlak atau terikat dengan syarat dan konteks tertentu. Kegagalan membuat pembezaan ini berpotensi menghasilkan aplikasi hukum yang lari jauh daripada maksud asal sabda Nabi SAW.

Dalam interaksi hadith dan usul fiqh, ulama menegaskan bahawa pemahaman terhadap ‘ām dan khāṣ memainkan peranan penting dalam mengelakkan kesimpulan umum yang tidak tepat. Ibn Daqīq al-‘Īd (2004) menjelaskan bahawa kefahaman hadith bergantung kepada pengetahuan tentang sebab, konteks dan qarinah yang wujud padanya. Hal ini disebabkan oleh unsur-unsur tersebut menentukan sama ada sesuatu lafaz perlu difahami secara umum atau khusus. Penegasan ini menunjukkan bahawa pembezaan ‘ām–khāṣ tidak boleh ditentukan semata-mata berdasarkan lafaz zahir. Sebaliknya ia perlu ditimbang bersama konteks dan petunjuk lain yang berkaitan.

Selain itu, pembezaan antara muṭlaq dan muqayyad turut memainkan peranan penting dalam menentukan cara sesuatu hadith diaplikasikan. Lafaz muṭlaq yang disebut tanpa sebarang ikatan boleh dibatasi oleh hadith lain yang bersifat muqayyad. Ianya sama ada melalui penentuan syarat, masa, tempat atau keadaan tertentu. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (2001) menegaskan bahawa perbezaan lafaz dan kepelbagaian riwayat sering kali menjelaskan maksud sebenar hadith serta membantu menentukan batasan penerapannya. Dalam konteks ini, pengumpulan dan penyelarasan riwayat dapat membantu menangani ta‘āruḍ dan juga berfungsi untuk mengenal pasti unsur muqayyad yang membatasi lafaz muṭlaq dalam hadith lain.

Pendekatan ini turut disokong oleh Al-Āmidī (2003), dimana beliau menjelaskan bahawa tidak boleh beramal dengan satu dalil tanpa mengambil kira dalil lain yang berkaitan dengannya kerana setiap dalil berfungsi dalam kerangka yang saling melengkapi. Prinsip ini mengukuhkan keperluan untuk menilai hubungan antara lafaz umum dan khusus serta antara lafaz mutlak dan terikat sebelum sesuatu hukum dirumuskan.

Dalam konteks Fiqh al-Hadith, pembezaan ‘ām–khāṣ dan muṭlaq–muqayyad juga berkait rapat dengan pemahaman terhadap maqasid syariah. Hadith yang dilafazkan secara umum tidak semestinya bertujuan untuk diaplikasikan secara menyeluruh dalam semua situasi. Sebaliknya ianya mungkin bertujuan menegaskan prinsip tertentu yang kemudiannya diaplikasikan secara terikat berdasarkan konteks dan masalahat. Al-Shāṭibī (2004) menegaskan bahawa dalil-dalil Syariah perlu difahami secara bersepadu dan selari dengan tujuan keseluruhan pensyariaan.

Dalam wacana semasa, pendekatan ini turut disokong oleh Kamali (2011) yang menegaskan bahawa penerapan hadith memerlukan kefahaman terhadap skop dan konteks lafaz, serta pertimbangan terhadap tujuan hukum bagi memastikan kesepaduan dan keadilan dalam aplikasi syariah. Pendekatan maqasid ini membantu menjelaskan bahawa perbandingan ‘ām–khāṣ dan muṭlaq–muqayyad adalah merupakan alat penting untuk memastikan aplikasi hukum kekal seimbang dan berfungsi dalam realiti semasa dan bukanlah sekadar perbincangan teknikal. Secara keseluruhannya, pembezaan antara ‘ām–khāṣ dan muṭlaq–muqayyad dalam Fiqh al-Hadith berperanan sebagai mekanisme bagi mengawal skop aplikasi hadith dan mengelakkan rumusan yang salah.

Maqasid Syariah dan Perbezaan antara Makna Literal dengan Tujuan Pensyariatan

Salah satu asas penting dalam Fiqh al-Hadith ialah keupayaan membezakan antara makna literal lafaz hadith dan maqṣūd al-shāri', iaitu tujuan sebenar di sebalik pensyariatan sesuatu hukum. Asas ini berpaksikan kefahaman bahawa sabda Nabi SAW tidak sentiasa dimaksudkan untuk difahami dan dilaksanakan secara zahir semata-mata. Sebaliknya, lafaz hadith berperanan menyampaikan maksud, nilai dan tujuan syarak yang lebih luas. Oleh itu, pemahaman yang terhenti pada makna literal tanpa meneliti tujuan pensyariatan berisiko melahirkan aplikasi hukum yang sah dari sudut teks, tetapi tersasar daripada roh dan hikmah syariah.

Dalam tradisi usul fiqh, teks Syariah difahami sebagai panduan untuk mencapai tujuan tertentu dan bukan sekadar perintah yang diikuti secara harfiah. Al-Shātibī (2004) menegaskan bahawa keseluruhan pensyariatan Islam bertujuan menjaga maslahat manusia di dunia dan akhirat. Justeru, tujuan ini perlu dijadikan asas dalam memahami dan menilai dalil-dalil syariah termasuk hadith. Makna literal teks tidak boleh dipisahkan daripada tujuan tersebut kerana pemisahan ini boleh menyebabkan hukum dilaksanakan secara tidak tepat dengan tanpa mengambil kira hikmah dan kepentingan yang ingin dicapai oleh syariah.

Pendekatan ini turut diperkukuh oleh al-Ghazālī (2004) yang mentakrifkan maslahat sebagai pemeliharaan tujuan-tujuan syarak. Takrif ini meletakkan maqṣūd al-shāri' sebagai ukuran utama dalam menilai makna dan pelaksanaan hukum. Dalam konteks Fiqh al-Hadith, ia menuntut agar makna literal hadith difahami dengan mengambil kira sejauh mana ia menyumbang kepada pemeliharaan kepentingan asas manusia seperti agama, nyawa, akal, keturunan serta harta dan bukannya diterima secara tekstual semata-mata.

Kepentingan membezakan antara makna literal dan maqṣūd al-shāri' menjadi lebih jelas apabila hadith diaplikasikan dalam keadaan dan latar masyarakat yang berbeza. Ibn al-Qayyim (2005) menegaskan bahawa hukum dan fatwa perlu mengambil kira perubahan masa, tempat dan keadaan manusia. Menurut beliau, tujuan Syariah adalah untuk menegakkan keadilan dan menjaga maslahat serta berpegang secara tegar kepada bentuk luaran teks tanpa memahami tujuan pensyariatan boleh membawa kepada ketidakadilan.

Dalam perbahasan kontemporari, pendekatan berasaskan maqasid terus diketengahkan sebagai kaedah yang lebih seimbang dalam memahami dan mengaplikasikan teks Syariah. Jasser Auda (2018) menekankan bahawa kefahaman terhadap teks perlu digabungkan dengan konteks dan kesan pelaksanaan hukum agar Syariah kekal berfungsi dalam realiti semasa. Menurut beliau, pemisahan antara teks dan tujuan pensyariatan boleh menghasilkan aplikasi hukum yang bersifat mekanikal dan tidak peka terhadap keperluan masyarakat. Pandangan ini seiring dengan kritikan Hallaq (2009) yang melihat penggunaan teks secara literal tanpa kerangka kefahaman hukum yang menyeluruh sebagai faktor yang melemahkan keutuhan sistem perundangan Islam.

Selain itu, al-Qaradāwī (1999) menegaskan bahawa kefahaman terhadap maqṣūd al-shāri' turut menuntut keupayaan menentukan keutamaan dalam pelaksanaan hukum. Menurut beliau, kegagalan menilai keutamaan ini boleh menyebabkan cara pelaksanaan hukum mengatasi tujuan sebenar pensyariatan, sekali gus menimbulkan ketidakseimbangan antara tuntutan teks dan keperluan realiti.

Secara keseluruhannya, Fiqh al-Hadith menuntut suatu pendekatan pemahaman yang tidak berhenti pada makna literal lafaz. Sebaliknya beralih kepada kefahaman yang menekankan maqṣūd al-shāri'. Pendekatan ini memastikan bahawa aplikasi hadith bukan sahaja berlandaskan dalil yang sah. Malah ianya lebih adil, boleh diapikasi dan selari dengan tujuan pensyariatan. Dalam kerangka kajian ini, pembezaan antara makna literal dan maqṣūd al-shāri' menjadi asas penting untuk menghubungkan hadith dengan realiti semasa tanpa menjejaskan kewibawaan wahyu.

Hubungan antara Hadith, Qiyas dan Maqasid Syariah

Dalam kerangka Fiqh al-Hadith, hubungan antara hadith, qiyas dan maqasid Syariah merupakan asas penting bagi memastikan proses penaakulan dan aplikasi hukum Syariah dilaksanakan secara bersepadu serta berdisiplin. Hadith berfungsi sebagai sumber normatif yang menjelaskan kehendak syarak, manakala qiyas berperanan sebagai mekanisme pengembangan hukum bagi menangani situasi baharu yang tidak disebut secara langsung dalam nas. Pada masa yang sama, maqasid Syariah bertindak sebagai panduan yang memastikan setiap kesimpulan hukum selari dengan hikmah dan maslahat pensyariaan. Ketiga-tiga elemen ini tidak beroperasi secara berasingan, sebaliknya saling melengkapi dalam proses ijtihad dan pelaksanaan hukum.

Dalam tradisi usul fiqh, qiyas tidak pernah dianggap sebagai pengganti kepada nas, tetapi sebagai alat untuk memahami dan memperluas penerapan nas terhadap realiti yang berkembang. Al-Ghazālī (2004) menegaskan bahawa qiyas berfungsi untuk merealisasikan tujuan Syariah melalui penelitian terhadap ‘illah dan maslahat yang mendasari sesuatu hukum. Pendekatan ini selaras dengan maqasid yang ingin dicapai oleh Syariah. Dalam konteks ini, hadith menyediakan asas nilai dan prinsip hukum. Manakala qiyas membolehkan prinsip tersebut diaplikasikan secara berterusan tanpa menyimpang daripada tujuan asal pensyariaan.

Hubungan ini menjadi lebih jelas apabila hadith difahami melalui pendekatan Fiqh al-Hadith yang menekankan penelitian terhadap konteks, qarinah dan maqasid Syariah. Kefahaman yang tepat terhadap hadith membolehkan penentuan ‘illah hukum dilakukan dengan lebih cermat, seterusnya menjadikan qiyas satu alat penaakulan yang berfungsi secara terkawal dan tidak bersifat spekulatif. Al-Shāṭibī (2004) menegaskan bahawa keseluruhan dalil syarak termasuk qiyas perlu difahami dalam kerangka maqasid yang menyeluruh agar penaakulan hukum mempunyai arah yang jelas dan konsisten.

Dalam konteks aplikasi hukum, kegagalan mengintegrasikan hadith, qiyas dan maqasid Syariah berpotensi melahirkan pendekatan yang pincang. Pendekatan sedemikian boleh muncul sama ada dalam bentuk kebergantungan yang terlalu literal terhadap teks hadith tanpa pengembangan hukum atau penggunaan qiyas secara terlalu bebas tanpa kawalan maqasid. Ibn al-Qayyim (2005) mengingatkan bahawa syariah dibina atas asas keadilan, rahmat dan maslahat. Sebarang aplikasi hukum yang menyimpang daripada nilai-nilai ini tidak boleh dianggap mencerminkan tujuan sebenar syariah. Penegasan ini menunjukkan bahawa maqasid berfungsi sebagai neraca utama dalam menilai kesahihan dan kewajaran aplikasi qiyas yang berpaksikan hadith.

Dalam wacana kontemporari, hubungan antara hadith, qiyas dan maqasid terus diperluas melalui pendekatan maqasid yang lebih menyeluruh. Jasser Auda (2018) menegaskan bahawa maqasid berperanan menghubungkan teks hadith, kaedah penaakulan melalui qiyas dan hasil aplikasi hukum dalam satu sistem yang saling berkait. Menurut beliau, pendekatan berasaskan maqasid membantu mengelakkan aplikasi hukum yang bersifat mekanikal dan terpisah daripada realiti semasa. Pandangan ini selari dengan penegasan Kamali (2011) bahawa penerapan sunnah dan qiyas perlu dilakukan secara terarah dan bertujuan supaya hukum yang dirumuskan kekal relevan serta berfungsi dalam masyarakat moden.

Selain itu, al-Qaradāwī (1999) menekankan bahawa hubungan antara hadith, qiyas dan maqasid menuntut keupayaan menentukan keutamaan dalam aplikasi hukum. Penentuan keutamaan ini penting bagi memastikan pengembangan hukum melalui qiyas tidak mengatasi tujuan utama pensyariaan. Prinsip ini berfungsi sebagai mekanisme kawalan yang memastikan bahawa kesimpulan hukum yang terhasil benar-benar selari dengan maqasid Syariah.

Secara keseluruhannya, hubungan antara hadith, qiyas dan maqasid Syariah dalam Fiqh al-Hadith membentuk suatu kerangka penaakulan hukum yang bersepadu, seimbang dan berorientasikan tujuan. Dalam kerangka kajian ini, integrasi ketiga-tiga elemen tersebut

menegaskan bahawa aplikasi Syariah tidak boleh bergantung kepada teks hadith secara literal semata-mata dan tidak juga diserahkan sepenuhnya kepada rasional qiyas tanpa panduan maqasid. Sebaliknya, aplikasi hukum yang berwibawa terhasil daripada kesepaduan antara nas, penaakulan dan tujuan pensyariatan, selaras dengan keperluan realiti semasa tanpa menjejaskan kewibawaan wahyu.

Perbincangan

Perbincangan ini menilai implikasi penerapan Kerangka Aplikasi Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith terhadap amalan syariah semasa dengan mengaitkannya secara langsung kepada wacana akademik terkini. Seiring dengan perkembangan kajian hadith dan maqasid dalam dua dekad terakhir, semakin ramai sarjana menekankan keperluan kepada pendekatan yang kontekstual, berorientasikan tujuan serta bersepadu dalam aplikasi hukum Islam, khususnya dalam mendepani cabaran masyarakat moden yang semakin kompleks.

Implikasi utama kerangka ini dapat dilihat melalui peralihan daripada kaedah kefahaman teks yang bersifat literal kepada pendekatan yang lebih kontekstual dan berdisiplin. Kajian kontemporari dalam bidang hadith menunjukkan bahawa kegagalan memahami konteks dan fungsi sosial hadith berpotensi menghasilkan aplikasi hukum yang tidak tepat serta mencetuskan salah faham dalam masyarakat (Auda, 2018). Beberapa kajian mutakhir turut membuktikan bahawa pendekatan kontekstual terhadap hadith memainkan peranan penting dalam meredakan ketegangan antara teks agama dan realiti sosial semasa, termasuk dalam isu ekstremisme dan salah tafsir agama (Rahman & Abdullah, 2021). Kerangka Fiqh al-Hadith yang dicadangkan dalam kajian ini menyokong dapatan tersebut dengan menegaskan bahawa kefahaman *asbāb al-wurūd* dan *qarinah* perlu dijadikan prasyarat metodologi sebelum sesuatu hadith diaplikasikan sebagai hukum. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan kedudukan hadith sebagai sumber autoritatif, bahkan memastikan aplikasinya benar-benar mencerminkan maksud sabda Nabi SAW.

Literatur terkini turut menunjukkan bahawa ketidakkonsistenan keputusan hukum syariah sering berpunca daripada penggunaan dalil secara terpisah tanpa penyelarasan metodologi yang jelas. Kajian dalam bidang metodologi hukum Islam menegaskan bahawa penyelarasan antara teks-teks hadith dan prinsip usul fiqh merupakan keperluan asas bagi menghasilkan keputusan hukum yang stabil dan berautoriti (Kamali, 2021). Dalam konteks ini, pendekatan *jama' wa tawfiq bayna al-aḥādīth* yang diketengahkan dalam kerangka ini selari dengan tuntutan akademik semasa yang menyeru agar aplikasi syariah dibina atas kefahaman dalil yang menyeluruh serta tidak bersifat selektif. Beberapa kajian juga mendapati bahawa pendekatan holistik terhadap dalil berupaya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi fatwa dan badan perundangan syariah, khususnya dalam menangani isu-isu baharu yang bersifat kompleks dan merentas disiplin (Zulkifli & Hasan, 2022).

Implikasi penting yang lain ialah peningkatan relevansi aplikasi Syariah melalui orientasi maqasid. Kajian kontemporari mengenai maqasid menegaskan bahawa pemahaman terhadap tujuan pensyariatan membolehkan hukum Islam diaplikasikan secara lebih anjal tanpa mengenyepikan prinsip asas syariah (Auda, 2018; Opwis, 2020). Dalam konteks kajian hadith, beberapa sarjana menekankan bahawa integrasi maqasid dalam Fiqh al-Hadith membantu membezakan antara makna literal teks dan tujuan sebenar pensyariatan, sekali gus mengelakkan aplikasi hukum yang bersifat mekanikal (Jamil, 2024). Pendekatan ini amat signifikan dalam menangani isu-isu kontemporari seperti teknologi digital, ekonomi baharu dan perubahan struktur sosial, di mana teks hadith perlu difahami sebagai panduan berasaskan prinsip dan bukan semata-mata sebagai arahan literal.

Kajian juga menunjukkan keperluan untuk mengintegrasikan hadith, qiyas dan maqasid dalam menangani persoalan hukum yang tidak disebut secara langsung dalam nas.

Penyelidikan mengenai aplikasi maqasid dalam ekonomi digital dan teknologi baharu membuktikan bahawa pendekatan berasaskan tujuan mampu menyediakan kerangka hukum yang lebih praktikal dan responsif terhadap perubahan semasa (Bashori, 2024). Dalam konteks ini, kerangka Fiqh al-Hadith yang dicadangkan menyediakan asas metodologi bagi memastikan pengembangan hukum melalui qiyas terus berpaksikan kepada kefahaman hadith yang sahih serta maqasid syariah. Kajian dalam bidang media digital dan agama turut menunjukkan bahawa kefahaman hadith yang berorientasikan konteks dan maqasid berupaya menangani penyebaran dalil agama secara terpisah di ruang maya (Huda et al., 2021). Dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada satu kerangka metodologi yang sistematik seperti yang diketengahkan dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa Kerangka Aplikasi Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith selari dengan arah perkembangan akademik semasa yang menuntut pembacaan hadith secara kontekstual, bersepadu dan berorientasikan maqasid. Literatur terkini turut menyokong hujah bahawa aplikasi syariah yang berkesan pada masa kini memerlukan lebih daripada sekadar rujukan kepada teks, sebaliknya menuntut penguasaan kaedah kefahaman hadith yang matang serta berdisiplin (Auda, 2018; Kamali, 2021; Opwis, 2020). Oleh itu, kerangka yang dicadangkan bukan sahaja relevan dari sudut teori, malah berpotensi menyumbang secara praktikal kepada pengukuhan aplikasi syariah kontemporari yang lebih konsisten, berwibawa dan selari dengan tuntutan realiti semasa.

Rumusan

Kertas kajian ini menegaskan bahawa aplikasi syariah yang berwibawa dalam konteks kontemporari menuntut lebih daripada sekadar rujukan literal kepada teks hadith. Sebaliknya ia memerlukan pendekatan metodologi yang berdisiplin melalui Fiqh al-Hadith. Dengan mengemukakan Kerangka Aplikasi Syariah Berteraskan Fiqh al-Hadith, kajian ini menghuraikan bagaimana kefahaman konteks (*asbāb al-wurūd*), penyelarasan riwayat, pembezaan skop lafaz, orientasi maqṣūd al-shāri' serta integrasi hadith, qiyās dan maqasid dapat membentuk aplikasi hukum yang lebih konsisten, seimbang dan relevan. Perbincangan turut menunjukkan bahawa kerangka ini selari dengan perkembangan wacana akademik semasa yang menekankan pembacaan kontekstual dan berorientasikan tujuan dalam aplikasi syariah. Justeru, kerangka yang dicadangkan bukan sahaja memperkukuh kefahaman hadith dalam proses penaakulan hukum. Malah ianya juga berpotensi menyumbang kepada pengukuhan aplikasi syariah kontemporari yang bertunjangkan wahyu dan relevan terhadap realiti semasa.

RUJUKAN:

- Auda, J. (2018). *Maqasid al-sharī‘ah as philosophy of Islamic law: A systems approach* (2nd ed.). London: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Āmidī, Sayf al-Dīn. (2003). *Al-iḥkām fī uṣūl al-aḥkām* (Taḥqīq: ‘Abd al-Razzāq ‘Afīfī). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. (2004). *Al-mustasfā min ‘ilm al-uṣūl* (Taḥqīq: Muḥammad ‘Abd al-Salām ‘Abd al-Shāfi). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawī, Yaḥyā ibn Sharaf. (2010). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Taḥqīq: Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī). Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Qarāfi, Aḥmad ibn Idrīs. (2004). *Al-furūq* (Taḥqīq: Khalīl al-Manṣūr). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (1999). *Fiqh al-awlawiyyāt: Dirāsah jadīdah fī ḍaw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Cairo: Dār al-Shurūq.
- Al-Shātibī, Ibrāhīm ibn Mūsā. (2004). *Al-muwāfaqāt fī uṣūl al-sharī‘ah* (Taḥqīq: ‘Abd Allāh Darrāz). Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Bashori, K. (2024). Maqasid-based legal reasoning in contemporary Islamic jurisprudence. *Journal of Islamic Legal Studies*, 12(1), 55–78.
- Hallaq, W. B. (2009). *An introduction to Islamic law*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Huda, M., Rahman, A., & Yusof, N. (2021). Contextualising prophetic traditions in contemporary Islamic discourse. *Journal of Hadith Studies*, 6(2), 101–123.
- Ibn Daqīq al-‘Īd. (2004). *Iḥkām al-aḥkām sharḥ ‘umdat al-aḥkām* (Taḥqīq: Aḥmad Muḥammad Shākir). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. (2001). *Fath al-bārī bi sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Taḥqīq: ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd Allāh ibn Bāz et al.). Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn al-Qayyim, Muḥammad ibn Abī Bakr. (2005). *I’lām al-muwaqqi‘īn ‘an rabb al-‘ālamīn* (Taḥqīq: Ṭāhā ‘Abd al-Ra’ūf Sa’d). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jamil, S. (2024). Integrating maqasid al-sharī‘ah in hadith interpretation: Contemporary challenges. *Islamic Law Review*, 18(1), 33–56.
- Kamali, M. H. (2011). *Principles of Islamic jurisprudence* (3rd ed.). Cambridge: Islamic Texts Society.
- Kamali, M. H. (2021). *Shari‘ah law: An introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Opwis, F. (2020). *Maqasid al-sharī‘ah and Islamic legal reform*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rahman, A., & Abdullah, S. (2021). Literalism and contextualism in contemporary Islamic legal reasoning. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(2), 87–110.
- Zulkifli, M., & Hasan, R. (2022). Methodological inconsistencies in contemporary fatwa practices. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 14(1), 1–25.